

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2005/2006

April-Mei 2006

**RMK 357– Pentadbiran Tanah**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja. Jawab **DUA** soalan dari **Bahagian A** dan **DUA** soalan dari **Bahagian B** dan **SATU** lagi dari mana-mana bahagian.

...2/-

**Bahagian A**

1. (a) Apakah perbezaan antara syarat nyata dan syarat tersirat dan nyatakan syarat-syarat tersirat untuk tanah bangunan dan tanah perindustrian seperti yang disenaraikan didalam Jadual Kesembilan, Kanun Tanah Negara 1965.  
(10 markah)
- (b) Berikan takrifan lengkap bagi istilah berikut :-  
(i) Lekapan  
(ii) Hak Milik Sementara  
(10 markah)
2. (a) Takrifan 'tanah' didalam Sek. 5 Kanun Tanah Negara 1965 telah secara tidak langsung menyatakan hak seorang pemilik terhadap pemilikan pegangannya.  
Nyatakan *had* hak pemilik dalam tanahnya dan beri penjelasan kenapa *had* pemilik ini diwujudkan.  
(10 markah)
- (b) Apakah batasan hak pemegang Lesen Pendudukan berasaskan keputusan-keputusan yang telah dibuat di Mahkamah?  
(10 markah)
3. (a) Beri takrifan tanah kerajaan dan nyatakan bidang kuasa dan *had* kuasa Pihak Berkuasa Negeri terhadap tanah kerajaan ini.  
(10 markah)
- (b) Nyatakan pengertian hak lalu lalang Pentadbir Tanah dan juga prosedur bagaimana hak lalu lalang ini diwujudkan.  
(10 markah)

**Bahagian B**

4. En. Alimaju memiliki sekeping tanah pertanian seluas 30 hektar di Daerah BaruBuka. Beliau ingin menjual tanah tersebut dalam bentuk lot-lot bungalow. Nasihatkan En. Alimaju prosedur yang perlu dilalui sehingga tanah tersebut dapat dijual kepada pembeli. Nyatakan proses yang perlu dilalui, borang-borang yang digunakan dan pejabat yang perlu dia berurusan.

(20 markah)

5. (a) Di bawah Seksyen 3(1) Akta Pengambilan tanah 1960 (Akta 486) memperuntukan pihak berkuasa negeri boleh mengambil tanah yang diperlukan untuk MAKSUD AWAM. Dengan sokongan kes-kes di mahkamah, huraikan MAKSUD AWAM.

(10 markah)

- (b) Madam Stinji, pemilik berdaftar bagi sekeping tanah di Bandar Ambila tidak berpuashati tentang pengambilan tanah yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Negeri ke atas tanahnya itu. Beliau ingin membuat bantahan kepada mahkamah. Nasihatkan beliau perkara yang boleh dibantah kepada mahkamah dan cadangkan kepadanya prosedur yang perlu dilalui untuk membuat bantahan tersebut.

(10 markah)

6. (a) Apakah yang difahami tentang maksud GADAIAN?

(5 markah)

- (b) Jelaskan perkara yang boleh digadaikan.

(5 markah)

- (c) Dengan berbantuan kepada kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah, bincangkan kesan gadaian yang tidak didaftarkan.

(10 markah)

-ooo O ooo-